

28/09/1997

KL-Havana jalin hubungan era baru

Manja Ismail in Havana

HAVANA: Malaysia dan Cuba menandatangani tiga perjanjian - Penghapusan Visa; Galakan Dan Perlindungan Bersama Pelaburan; serta Perdagangan, sempena lawatan rasmi pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini.

Dalam upacara yang diadakan selepas mesyuarat delegasi serta disaksikan Perdana Menteri dan Presiden Fidel Castro di Istana Revolusi di sini semalam, Malaysia diwakili Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, manakala Cuba oleh Menteri Perdagangan Luarnya, Ricardo Cabrisas Ruiz.

Perjanjian itu dianggap sebagai permulaan era baru hubungan Malaysia-Cuba khususnya dalam bidang perdagangan. Ia bukan sahaja sekadar rangka kerja penting dari sudut perundangan bagi menggalak dan melindungi pelabur, malah asas yang kukuh dalam meningkatkan hubungan dagang bagi faedah kedua-dua negara.

Walaupun hubungan Kuala Lumpur-Havana terjalin sejak 20 tahun lalu dan semakin erat dalam dekad terakhir ini, ia lebih menjurus kepada hubungan pada peringkat politik antarabangsa dalam Pergerakan Berkecuali dan Kumpulan 15 Negara Membangun.

Dengan termeterainya perjanjian itu, Malaysia dijangka membuka kedutaannya di sini tidak lama lagi, manakala Cuba baru membuka pejabat perwakilan sementara di Kuala Lumpur.

Ketika ini perwakilan Malaysia ke negara ini terletak di New York dengan Duta Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail sebagai duta. Kedutaan Cuba yang paling hampir dengan Malaysia ialah di Vientiane, Laos.

Cabrisas dalam ucapannya selepas upacara itu berkata, Cuba bukan setakat menawarkan pasarannya kepada Malaysia tetapi juga pendidikan dan kebolehan rakyatnya serta kesungguhan bagi mengukuhkan hubungan ekonomi, perdagangan kewangan dan sosial.

Malaysia pula boleh menawarkan kepada Cuba pengalamannya dalam pelaksanaan dasar pembangunan mapan, integrasi serantau dan kerjasama Selatan-Selatan.

Samy Vellu dalam ucapan ringkasnya berharap usahawan Malaysia merebut peluang itu untuk menjalin usahasama dengan rakan-rakannya dalam pelbagai bidang pelaburan.

Sementara itu, Malaysia berminat menjalin kerjasama dalam bidang perubatan tropika dengan Cuba, terutama untuk memanfaatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang agak maju di negara ini.

Minat itu dinyatakan Dr Mahathir yang tertarik dengan aktiviti R&D di Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi dan Institut Penyelidikan Perubatan Tropika Pedro Kouri yang dilawatinya kelmarin.

Di Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai penyelidikan bagi penemuan vaksin untuk pelbagai penyakit dan antara kejayaan besar pusat itu setakat ini ialah dalam usaha menangani hepatitis B.

Sebagai seorang lulusan kedoktoran perubatan, Perdana Menteri menunjukkan penuh minat dengan kegiatan pusat itu dan meminta pihak pengurusannya meninjau pasaran bagi ubatan-ubatannya di rantau Asia Tenggara.

Kini hasil pusat itu dipasarkan di negara Amerika Selatan dan beberapa negara Afrika sahaja.

Walaupun Cuba sebuah negara miskin, ia kini sama ada bebas atau hampir bebas daripada penyakit seperti malaria, demam denggi, diphtheria, batuk kering dan rubella (demam campak).

(END)